From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Friday, 22 April, 2022 10:04:08 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Graduan UUM Diiktiraf ACCA #1 Top Affiliate Dunia

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

22 APRIL 2022 / 20 RAMADAN 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: CIG, UUM Corporate Communication

GRADUAN UUM DIIKTIRAF ACCA #1 TOP AFFILIATE DUNIA



UUM ONLINE: Sekali lagi, graduan Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat), Looi Pui Mun mengharumkan nama Universiti Utara Malaysia (UUM) apabila diiktiraf sebagai ACCA #1 Top Affiliate di dunia dan Malaysia.

Kejayaan graduan dari Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM) itu adalah selepas beliau memperoleh markah purata tertinggi 85.25 peratus untuk markah keseluruhan bagi empat kertas peperiksaan *Strategic Professional Level* yang pernah didudukinya.

Sebelum ini, Pui Mun telah merangkul tempat pertama dunia bagi kertas Advanced Financial Management (AFM) bulan Disember 2021; tempat ketiga dunia bagi kertas Advanced Performance Management (APM) Disember 2020; ketujuh di dunia dalam peperiksaan Strategic Business Reporting (SBR) bagi bulan Mac 2020 dan tempat ketiga di Malaysia untuk kertas Strategic Business Leader (SBL) bagi September 2020.

Menurut Pui Mun, beliau amat gembira kerana berjaya memperoleh markah tertinggi itu, sekali gus melengkapkan program ACCA.

Beliau yang kini bekerja sebagai perunding di salah sebuah syarikat 'Big Four' merakamkan penghargaan kepada UUM, TISSA-UUM, ACCA, keluarga dan rakan-rakan di atas sokongan dan dorongan yang berterusan sehingga berjaya mencapai kejayaan tersebut.

“Kini saya ialah ACCA Affiliate dan perlu mempunyai tiga tahun pengalaman bekerja sebelum bergelar ahli ACCA.

“Saya berharap kisah kejayaan ini akan menjadi inspirasi kepada belia di Malaysia untuk mengejar cita-cita. Tidak salah mempunyai impian asalkan kita berusaha mengejarnya menjadi kenyataan,” katanya.

Pelajar program perakaunan di TISSA-UUM menerima *'exemption'* maksimum daripada ACCA melalui Skim ACCA Accelerate dan mereka hanya perlu menduduki baki empat peperiksaan profesional ACCA sahaja.

Sementara itu, Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah melahirkan rasa bangga di atas kejayaan graduan UUM itu yang terus membawa nama universiti ke persada dunia.

“Saya berharap pencapaian ini akan menjadi inspirasi kepada semua pelajar untuk belajar dengan tekun dan bersungguh-sungguh di samping mencabar diri untuk menduduki peperiksaan ACCA ini demi masa hadapan.

“Kejayaan ini juga secara tidak langsung membuktikan UUM mampu melahirkan graduan perakaunan berkualiti hasil program perakaunan UUM yang setanding dengan universiti terkemuka dunia,” katanya.





Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.